AUTHOR: No author available SECTION: SETEMPAT PAGE: 16 PRINTED SIZE: 224.00cm² REGION: KL MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 8,824.00 ITEM ID: MY0062231408

19 JAN, 2025



Tarik potensi pelaburan bernilai RM11b

Metro Ahad, Malaysia

Tarik potensi pelaburan bernilai RM11b

London: Lawatan kerja lima hari Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ke United Kingdom (UK) yang berakhir semalam, berjaya menarik potensi pelaburan bernilai RM11 bilion dalam pelbagai sektor, termasuk tenaga boleh baharu dan ekonomi di-

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, potensi eksport yang dijana dalam tempoh lima tahun akan datang berjumlah RM500 juta yang meliputi produk peralatan dan komponen pesawat, perabot serta makanan dan minuman.

Perkembangan itu, kata beliau, turut menunjukkan keyakinan pelabur antarabangsa terhadap ekonomi Malaysia selain hubungan kerjasama yang lebih erat dengan kerajaan UK.

"Dalam pertemuan dengan ketua-ketua syarikat yang diselaraskan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Mida), Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) dan Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (Miti), nampaknya ada peningkatan mendadak dari segi kesediaan (untuk melabur)," katanya pada sidang media bersama media Malaysia yang membuat liputan lawatan kerja itu di sini.

Dalam lawatan Anwar turut mengadakan pertemuan dengan beberapa syarikat besar di UK seperti Standard Chartered dan Jaguar Land Ro-

Mengulas selanjutnya, Anwar berkongsi wujudnya tanda-tanda keyakinan daripada pihak ke-rajaan UK dan Perdana Men-Potensi pelaburan

terinya, Sir Keir Starmer untuk mengukuh-

kan kerjasama serta hubungan dengan Malaysia.

Beliau juga dimaklumkan Starmer akan menghantar Menteri Pembangunan UK, Anneliese Dodds ke Malaysia pada bulan depan dan disusuli dengan Menteri Inkehadiran do-Pasifik, Catherine West pada Mac depan.

"Bila mendapat isyarat seumpama itu nampaknya sudah ada komitmen untuk melabur RM11 bilion dalam pelbagai sektor seperti automatif, digital, tenaga boleh baharu, perbankan, hartanah dan petrokimia," kata beliau.

Dalam lawatan yang juga pertama beliau sebagai Perdana Menteri ke UK,

Anwar turut bertemu rakan seja-Starwatan mer di No.10 babit pelbagai sektor Downing Street termasuk tenaga pada Ra-

Starmer menerusi satu ciapan di X selepas pertemuan itu berkata : "Hubungan akrab dan bersejarah. Daripada pelaburan hingga ke perdagangan dan pendidikan, hubungan UK dengan Malaysia kini lebih kukuh berbanding sebelumnya.'

Anwar berkata, perdagangan antara kedua-dua negara juga dijangka meningkat berikutan penyerdalam Perjanjian taan Komprehensif dan Progrebagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP).

"Melalui CPTPP, penyertaan dalam kontrak, profesional dan barangan lebih mudah dibawa dari Malaysia.

'Syarikat-syarikat besar Malaysia seperti YTL, Tenaga Nasional Bhd, Gamuda, EcoWorld yang melabur dan mempunyai projek besar di sini, akan mén-dapat faedah (daripada-nya)," katanya.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

boleh baharu